



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA
JABATAN KEBUDAYAAN
DAN KESENIAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA

www.jkkn.gov.my

UNTUK SIARAN SEGERA

Bil. 13/2024

PERKAMPUNGAN ORANG ASLI MERIAHKAN FESTIVAL KESENIAN PERIBUMI MALAYSIA 2024 (FeSKEP)

TEMERLOH, 20 Julai 2024 - Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menerusi Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dengan kerjasama Persatuan Silat Gerak Lian Pahang menganjurkan Festival Kesenian Peribumi Malaysia Pahang 2024 (FesKEP) pada 19 hingga 21 Julai 2024 bermula pukul 10.00 pagi bertempat di Dataran Temerloh, Pahang. Persembahan Paluan Suara Alam **pada 20 Julai 2024 (Sabtu), jam 8.45 malam** ini disempurnakan oleh **YB Dato' Ramli bin Dato' Mohd Nor, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat**. Festival ini turut dihadiri oleh **YBhg. Dato' Roslan Tan Sri Abdul Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC)** dan **YB Cik Leong Yu Man, Exco Perpaduan, Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Pahang**.

Objektif utama penganjuran festival ini adalah untuk mengetengahkan keunikan pelbagai etnik dan budaya masyarakat peribumi dari pelbagai suku kaum dan memupuk semangat perpaduan bersama masyarakat dalam aktiviti seni budaya. FesKEP 2024 turut menjadi elemen tarikan pelancong kerana program ini menyerlahkan seni budaya masyarakat peribumi dalam kalangan masyarakat tempatan. Selain itu, Festival ini juga bertujuan untuk mengangkat serta memelihara kesenian dan warisan adat budaya masyarakat peribumi tempatan yang terdiri daripada pelbagai etnik dan bangsa di mata masyarakat.

Festival ini turut memaparkan keunikan budaya masyarakat peribumi dari pelbagai negeri dengan penyertaan masyarakat peribumi dari Pahang (Bah Bola dan Jahut), Selangor (Mah Meri), Johor (Seletar), Kelantan (Bateq), Perak (Semai), Sabah dan Sarawak serta artis jemputan Amir Sisi, Norshiwani Ngah Ajip dan Mawar Bekaw. Selain itu, pengunjung juga didedahkan dengan pameran Perkampungan Orang Asli, Ikhtiar dan Kemahiran Hidup oleh ATM serta aktiviti jualan dari pelbagai etnik yang dijangka dapat meningkatkan minat pengunjung untuk hadir dan melihat sendiri hasil tangan masyarakat orang asal. Antara produk jualan yang akan dipamerkan dan hasil kraftangan adalah seperti bakul dan tikar mengkuang, hasil ukiran tangan, akar kayu dan herba - herba serta peralatan tradisional seperti sumpit, keris dan parang. Program ini juga akan mempamerkan produk tradisional Melayu seperti tanjak dan keris. Pelbagai aktiviti menarik juga bakal diadakan sepanjang dua hari festival berlangsung seperti *Battle of The Band*, Ratu Cantik Cilik Orang Asli, Pertandingan Sewang Sekolah Murid Orang Asli, Pertandingan Masakan Tradisional, Pasar Saloma, Cabatan Tok Batin, Persembahan Ayuh Sewang, Permainan Rakyat, Gerak Gempur Pendekar dan sebagainya.

“Festival ini bukan sahaja dapat membantu meningkatkan ekonomi masyarakat orang peribumi tempatan dengan penjualan produk mereka, malah turut mempromosikan Bandar Temerloh dengan keistimewaan masakan Ikan Patin yang merupakan ikon makanan popular negeri Pahang. Melalui program ini juga, kementerian berharap dapat menyemarakkan lagi seni budaya masyarakat peribumi agar terus terpelihara dimasa akan datang”, kata YBhg. Dato’ Roslan Tan Sri Abdul Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dalam kenyataannya hari ini.

Bagi mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut mengenai program ini, orang ramai boleh melayari media sosial JKKN melalui pautan www.facebook.com/mysenibudaya.

-TAMAT-

Dikeluarkan Oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

Tel: 03-2614 8200 Faks: 03-2697 0786

Laman Sesawang: www.jkkn.gov.my **E-mel:** ukk@jkkn.gov.my

Platform Media Sosial Rasmi JKKN:

Facebook: @Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan @mysenibudaya

Instagram, Twitter & YouTube: @mysenibudaya

Untuk Pertanyaan, Sila Hubungi

Mazidah binti Mustapha Pengarah Unit Komunikasi Korporat, JKKN mazidah@jkkn.gov.my Tel: 03-2614 8200 / 012-952 2095	Eldawati binti Laung Penolong Pengarah Unit Komunikasi Korporat, JKKN eldawati@jkkn.gov.my Tel: 03-2614 8200 / 019-809 1805
--	---

Festival FesKEP
FESTIVAL KESENIAN PERIBUMI MALAYSIA PAHANG 2024

FesKEP menentang keunikan Seni Budaya pelbagai etnik, warisan, bahasa, kepercayaan dan amalan masyarakat peribumi di Malaysia. Program Pelancongan ini berasaskan kebudayaan di negeri Pahang yang mengangkat kesenian masyarakat peribumi Malaysia.

19-21 JULAI 2024
JUMAAT HINGGA AHAD

DATARAN TEMERLOH, TEMERLOH PAHANG
10.00 PAGI - 11.00 MALAM

IMBAS LOKASI

Antara Pengisian:

- Perkampungan orang Asli
- Ikhtiar Hidup
- Persembahan Kesenian
- Pasar Saloma
- Permainan dan Makanan Tradisi
- Perfandingan
- Pameran, Jualan dan Demonstrasi

Maklumat Lanjut & Pertanyaan boleh hubungi:
JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA NEGERI PAHANG
09 - 517 8466

Jom berpakaian Orang Asli & Tradisional